



Baca petikan drama di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

PENDAKWA RAYA: Pada hemat saya, Bulat bin Leper ialah pihak yang bertanggungjawab dalam kes ini. Kalau Bulat tidak membuang kulit pisang, maka kambing tidak boleh mengaisnya ke jalan raya dan seorang nenek tua tidak akan memijaknya. Atas alasan itu, saya mohon mahkamah keadilan ini menjatuhkan hukuman yang seberat-beratnya ke atas Bulat bin Leper. Sekian, yang arif, terima kasih.

HAKIM: Ya, peguam bela ... kalau ada hujah-hujah tambahan, dipersilakan.

PENGUAM BELA: Ya, yang arif, saya tegaskan kembali hujah saya bahawa Bulat bin Leper telah membuang kulit pisang ke tempat yang wajar dan betul. Maka, dengan itu, ternyata Bulat bin Leper tidak melakukan apa-apa kesalahan. Dalam soal ini, nyata sekali, yang bersalah ialah kambing kurus ... bukannya Bulat bin Leper. Sekian, hujah-hujah saya.

HAKIM: Pendakwa raya? Ada apa-apa lagi?

PENDAKWA RAYA: Mahkamah ini untuk manusia, bukan untuk binatang. Macam mana kita nak hukum kambing.

PENGUAM BELA: Setiap binatang peliharaan mesti ada tuannya. Tuan empunya kambing itulah yang perlu dihukum.

PENDAKWA RAYA: Kalau tidak ada yang mahu mengaku?

PENGUAM BELA: Maka kambing itu harus menjadi hak milik pihak yang berwajib.

HAKIM: Sudah ... sudah! Hujah-hujah kamu berdua sudah selesai. Harap bertenang. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, setelah meneliti hujah-hujah daripada kedua-dua belah pihak, mahkamah dengan ini mengambil kesimpulan bahawa pendakwa telah gagal mengaitkan kes ini dengan tertuduh dan sebaliknya, peguam bela telah dapat meyakinkan mahkamah tanpa keraguan bahawa Bulat bin Leper tidak melakukan kecuaian dan seterusnya dibebaskan daripada tuduhan membunuh Mek Teh binti Jali secara tidak sengaja.

Dipetik daripada drama 'Mahkamah', antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia

1. Apakah pertuduhan yang dikenakan kepada Bulat bin Leper?
 - A Membuang kulit pisang di merata-rata tempat
 - B Membuang kulit pisang ke dalam tong sampah
 - C Membiarkan kambing mengais kulit pisang
 - D Membunuh Mek Teh binti Jali

2. Siapakah mangsa yang terlibat dalam kes perbicaraan di atas?
 - A Mek Teh binti Jali C Pendakwa raya
 - B Bulat bin Leper D Peguam bela

3. Mengapa peguam bela berpendapat bahawa Bulat Bin Leper tidak bersalah?
 - A Kambing tersebut bukan milik Bulat bin Leper
 - B Bulat bin Leper melakukan kecuaian
 - C Membuang kulit pisang ke dalam tong sampah
 - D Tuan empunya kambing yang bersalah

4. Yang berikut ialah latar tempat peristiwa dalam petikan drama tersebut, **kecuali**
 - A di sebatang jalan raya.
 - B di sebuah mahkamah.
 - C di sebuah tong sampah.
 - D di sebuah taman permainan.

5. Apakah keputusan hakim terhadap pertuduhan Bulat bin Leper?
 - A Bulat bin Leper dijatuhi penjara dan denda
 - B Bulat bin Leper diarahkan supaya membela diri
 - C bulat bin Leper dilepaskan daripada pendakwaan
 - D Bersalah kerana menyebabkan kematian nenek tua